

LATIHAN

(Perubatan tradisional, perubatan moden dan perubatan komplementari)

1. Padankan ubat tradisional dengan kegunaannya.

Ubat tradisional
Lidah buaya
Ginseng
Halia
Pokok bunga raya
Kuinina

Kegunaan
Memelihara kesihatan badan.
Mengurangkan kesakitan kulit akibat sunburn.
Menghilangkan angin dalam badan.
Merawat penyakit malaria.
Merawat keguguran rambut.

2. Padankan ubat moden dengan kegunaannya.

Paracetamol
Penisilin
Amfetamina
Imipramin
Trankuiliser

Menghalang pertumbuhan bakteria.
Melegakan kesakitan.
Mengawal keadaan kemurungan.
Merangsang kegiatan badan.
Menenangkan emosi.

3. Padankan kaedah perubatan komplementari dengan tujuannya.

Akupunktur
Kiropraktik
Urutan tradisional

Melegakan ketegangan otot dan masalah urat saraf.
Merawat sakit belakang dan leher.
Merangsang sistem saraf untuk melegakan kesakitan.

4. Pilih kesan penyalahgunaan ubat-ubatan.

- ☐ Menyebabkan kematian.
- ☐ Menyebabkan alahan, muntah dan sakit kepala.
- ☐ Menyebabkan ketagihan.
- ☐ Ubat menjadi kurang berkesan untuk melawan penyakit.